



**PELAWAAN PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBEKAL
DI PUSAT PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR &
ALUMNI
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAK**

Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di dalam kod bidang berkaitan dan masih lagi berkuatkuasa adalah dipelawa untuk mendaftar sebagai pembekal untuk program-program seliaan Pusat Pembangunan Holistik Pelajar bagi Sesi 2018/2019. Butiran bidang dan sub bidang adalah seperitimana berikut:-

Bil	Bidang	Sub Bidang
1	Bekalan	Bahan Makanan
		Bahan Binaan
		Makanan dan Minuman
		Peralatan
		Uniform
2	Perkhidmatan	Percetakan
		Pembaikan
		Cenderamata/ Hadiah
		Sewaan Kenderaan/ Peralatan

Kesemua pembekal yang mempunyai kelayakan dikehendaki mengemukakan profil Syarikat masing-masing untuk dinilai sebelum dilantik sebagai pembekal Pusat Pembangunan Holistik Pelajar. Antara maklumat yang diperlukan adalah :

1. Perihal Syarikat
2. Perihal Pemunya Syarikat (perincian penuh bersama gambar)

3. Perihal bekalan/projek yang telah siap.
4. Perihal bekalan/projek dalam proses.
5. Salinan pendaftaran syarikat.
6. Salinan perakuan prestasi bekalan (jika ada).
7. Salinan maklumat akaun syarikat.

CARA PENGHANTARAN

- i Profil yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditanda “Permohonan Pembekal” di penjuru atas kanan sampul.
- ii Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :-

**Pengarah
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Kampus Gong Badak
(u/p :Penolong Pendaftar)**
- iii Permohonan hendaklah sampai ke pejabat kami tidak lewat daripada **4 MAC 2018 (AHAD)**.

CATATAN AM

- i Tempoh perbekalan dan perkhidmatan adalah bermula **JUN 2018** hingga **MEI 2019**, dengan pilihan untuk disambung perkhidmatan pembekalan bagi sesi 2019/2020 sehingga **MEI 2020**, tertakluk kepada pertimbangan Pusat Pembangunan Holistik Pelajar.
- ii Kesemua pembekal yang berjaya akan dipantau prestasi dari semasa ke semasa. Pusat Pembangunan Holistik berhak untuk menamatkan mana-mana perkhidmatan yang tidak memuaskan.
- iii Sebarang permohonan sama ada yang lewat, tidak lengkap, tidak mematuhi syarat akan ditolak dan dianggap tidak berjaya.